



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

**INISIATIF UNTUK MENCAPAI AGENDA RANCANGAN MALAYSIA KE-12  
PENGGAJIAN PEKERJA ASING DIHADKAN KEPADA 15% DARIPADA GUNA  
TENAGA NEGARA**

Kementerian Sumber Manusia (KSM) bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dalam usaha untuk mengurangkan penggajian pekerja asing dan menangani pelbagai isu yang berkaitan dengan pekerja asing.

**Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Pengurusan Pekerja Asing Kali Ke-9, Bilangan 3/2023** yang telah diadakan pada **18 Oktober 2023 (Rabu)** adalah satu platform bagi membincangkan isu dan hala tuju pengurusan pekerja asing di negara kita serta merangka langkah-langkah dalam mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing.

Dalam mesyuarat tersebut, beberapa perkara telah diberi perhatian dan dibincangkan dalam memastikan kuota pengambilan pekerja asing dapat memenuhi keperluan guna tenaga asing oleh industri termasuk dalam sektor kritikal.

Pelaksanaan prosedur permohonan pekerja asing mestilah berlandaskan **aspek genuine demand and supply, saringan majikan dari segi pematuhan undang-undang perburuhan dan penginapan, verifikasi dokumen bagi menjamin ketelusan dalam permohonan, pengambilan pekerja berkonseptkan fair recruitment, tiada monopoli dan bebas daripada amalan buruh paksa serta**

**pemerdagangan orang.** Hal ini juga diharapkan tiada lagi **elemen fleksibiliti** yang dibenarkan dalam permohonan pekerja asing kerana ini berkait rapat dengan reputasi negara. Langkah ini juga akan membantu mencapai ketetapan yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 supaya **penggajian pekerja asing dihadkan kepada 15% daripada guna tenaga negara.**

Untuk makluman juga, pada 4 September 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan untuk membuka semula pengambilan pekerja asing bagi tiga sub sektor perkhidmatan iaitu tukang gunting rambut, tekstil dan tukang emas yang sebelum ini telah dibekukan sejak tahun 2009. Pembukaan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2023 di mana Kerajaan bersetuju memberi kelulusan **seramai 7,500 pekerja asing** di bawah tiga sub sektor ini. Susulan daripada keputusan tersebut, perbincangan bersama Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah diadakan bagi memperincikan mekanisme dan proses kerja bagi permohonan tersebut.

Saya juga pada 2 Oktober 2023 dalam sidang media telah mengumumkan mekanisme dan syarat-syarat permohonan bagi penggajian pekerja asing di bawah tiga sub sektor ini. Permohonan telah bermula sejak **10 Oktober 2023 (Selasa)** bagi tujuan penggajian pekerja. Saya mengucapkan terima kasih kepada KDN dan KPDN dalam kerjasama yang diberikan untuk menjayakan pembukaan semula bagi penggajian pekerja asing bagi tiga Subsektor.

Saya berharap agar melalui kerjasama ketiga-tiga kementerian ini, segala permasalahan, strategi dan keputusan yang berkaitan dengan pengurusan pekerja asing dapat diuruskan dengan baik bagi mencapai hasil yang optimal dan tepat.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
KUALA LUMPUR  
21 OKTOBER 2023**